



PERSEKUTUAN PUSAT BERTAULIAH JPK MALAYSIA
(Federation of JPK Accredited Centers, Malaysia) ~ FeMAC
No 2-12, Tiara Mutiara,
Batu 6, Jalan Puchong, 58200 Kuala Lumpur
Tel : 03-77726655 Fax : 03-77726655 Email : operation@femac.org.my

KENYATAAN RASMI FEMAC

PENYERTAAN FeMAC DI BAWAH FEDERATION OF MALAYSIAN TRAINING PROVIDERS & TEVT ASSOCIATIONS (FMTA) DI PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA BERHAD (PSMB)

FeMAC Malaysia ingin membuat kenyataan maklumbalas keatas email yang diterima dari femacmembers@gmail.com pada hari **Sabtu, 23hb Jun 2018** dan dipercayai email tersebut telah dihantar kepada semua ahli FeMAC. Kandungan memohon pencerahan dari pihak FeMAC berkaitan isu FeMAC menyertai Federation of Malaysian Training Association (FMTA), sebuah persatuan yang menjadi wakil di dalam Lembaga Pengarah Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB)..

Untuk makluman ahli, di bawah PSMB terdapat satu jawatankuasa yang dinamakan sebagai *STC* – (*Sectorial Training Committee*) yang mewakili 21 sektor industri utama termasuk sektor latihan, pendidikan dan TVET. Di bawah sektor ini FeMAC dan beberapa persatuan NGO berkaitan yang lain antaranya adalah FMSDC, MAPS, MATPA dan MAFa (*rujuk - www.fmta.com.my*) telah sebulat suara bersetuju untuk menubuhkan FMTA bagi mewakili kelima-lima persatuan di dalam STC. Objektif penubuhan FMTA adalah bagi mewakili kesemua persatuan NGO untuk menyelaraskan segala urusan dan pandangan kepada PSMB. Keputusan FeMAC untuk menyertai FMTA telah dibawa dan dibincangkan dalam Mesyuarat Exco Kebangsaan kali ke 2/2016 pada 14 Mac 2016 yang di pengerusikan oleh Presiden.

FeMAC Malaysia ingin menegaskan bahawa TIADA APA-APA KEPENTINGAN KHAS samada kepada Presiden mahupun pihak FeMAC dalam menyertai FMTA kerana ia tidak melibatkan sebarang penerimaan dana atau projek dari pihak PSMB. FMTA hanyalah sebuah persatuan pemudahcara bagi menghubungkan semua persatuan berkaitan industri latihan dan TVET dengan pihak PSMB di dalam setiap perbincangan di bawah STC.

FeMAC Malaysia sentiasa mengamalkan pengurusan yang telus, tegas dan tidak menjalankan sebarang bentuk perniagaan yang bertentangan dengan perlembagaan yang dipersetujui bersama di dalam penubuhan FeMAC Malaysia. Tohmahan dan fitnah yang dibuat oleh beberapa individu terhadap FeMAC Malaysia sepanjang Tahun 2018 ini adalah amatlah mendukacitakan. FeMAC Malaysia memandang serius dan akan mengambil tindakan tegas ke atas mana-mana individu yang terbabit.

Saya meminta semua pihak untuk menghormati objektif penubuhan dan perjuangan FeMAC dalam menjaga kepentingan ahli agar kekal relevan dan berdaya saing dalam industri ini . Gunakan saluran yang betul bagi menyampaikan sebarang cadangan mahupun isu-isu yang berbangkit. Jika terdapat sebarang isu, usul atau cadangan, sila nyatakan nama anda dan pusat bertauliah anda ke email rasmi FeMAC di operation@femac.org.my. Sebarang surat layang tidak akan dilayan sama sekali.

Ts. P. SAILANATHAN
Presiden
25hb Jun 2018